

# 5

## PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

- Perspektif Keseluruhan
- Perkembangan Monetari
- Perkembangan Sektor Kewangan

Sisipan 5.1 - E-Dompot: Mendefinisi Semula Kaedah Pembayaran

Rencana 5.1 - Bursa Malaysia-*i*: Platform Pelaburan Patuh Syariah yang Pertama di Dunia

- Prospek 2018



# 5 | PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

## Perspektif Keseluruhan

### *Sektor kewangan terus menyokong pertumbuhan*

Penunjuk dasar monetari kekal akomodatif di samping memastikan kestabilan harga walaupun terdapat ketidakpastian persekitaran luaran. Ketidakpastian ini termasuk jangkaan peningkatan jurang perbezaan dasar monetari antara Amerika Syarikat (AS) dan ekonomi utama lain yang menyebabkan keadaan pasaran kewangan menjadi lebih ketat. Walaupun beberapa ekonomi utama mengubah dasar monetari bagi menangani ketidakpastian ini, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) terus mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dalam tujuh bulan pertama 2017 bagi menyokong ekonomi Malaysia. Sementara itu, nilai ringgit meningkat berikutan perkembangan ekonomi domestik yang memberangsangkan. Pengukuhan ringgit juga disokong oleh pelbagai langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) terutamanya dalam meningkatkan kecairan pasaran bon dan memberi lebih kelonggaran lindung nilai dalam pasaran domestik.

Sistem perbankan Malaysia kekal berwibawa dan disokong oleh institusi yang kukuh serta keyakinan berterusan terhadap sistem kewangan. Pada akhir Julai 2017, sistem perbankan mempunyai modal yang kukuh dengan lebih 75% daripada jumlah modal adalah berkualiti tinggi. Kualiti portfolio pinjaman kekal stabil dengan Nisbah Jejas Nilai Bersih pada kadar 1.2% kepada jumlah pinjaman. Keuntungan sistem perbankan kekal memberangsangkan hasil kecekapan penggunaan teknologi baharu dan tenaga kerja yang optimum.

Pasaran modal domestik terus berkembang serta memainkan peranan penting dalam ekonomi negara. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2017, pasaran modal disokong oleh langkah pembangunan pasaran kewangan dan permintaan pelabur institusi yang mapan. Saiz keseluruhan pasaran modal meningkat kepada RM3.1 trilion dalam tempoh yang sama. Malaysia telah menerbitkan sukuk hijau pertama di dunia pada 27 Julai 2017 dengan nilai RM250 juta bagi memenuhi permintaan dan keperluan global untuk pembiayaan yang bertanggungjawab dan mapan. Usaha ini sejajar dengan peranan Malaysia sebagai perintis dalam mengukuhkan pasaran modal Islam.

Di samping itu, perkembangan kewangan digital telah mengubah lanskap pasaran kewangan global. Kewangan digital telah mendorong kepada pengenalan model dan penyelesaian perniagaan baharu bagi meningkatkan tahap kecekapan dan pengurusan risiko yang lebih baik. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan persekitaran kawal selia yang menggalakkan penggunaan teknologi kewangan (fintech) untuk memoden dan meningkatkan kecekapan sektor kewangan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga menekankan kepentingan keterangkuman kewangan dengan melaksanakan beberapa inisiatif dan program kesedaran. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan prestasi dalam Indeks Rangkuman Kewangan dari 0.77 pada 2011 kepada 0.90 pada 2016.

## Perkembangan Monetari

### Dasar Monetari

#### *Dasar monetari kekal akomodatif*

Dasar monetari pada 2017 terus memberi tumpuan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mapan di samping mengekalkan kestabilan harga. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017, OPR dikekalkan pada 3.00% dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pada 3.50%. Pada kadar semasa OPR, dasar monetari yang akomodatif diteruskan untuk mengimbangi risiko pertumbuhan domestik dan jangkaan inflasi. Pada 2017, inflasi dijangka pada kadar 3% hingga 4% dengan pertumbuhan ekonomi diunjurkan antara 5.2% hingga 5.7%.


#### *Kadar faedah kekal stabil*

Kadar faedah dalam sistem perbankan kekal stabil dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 selaras dengan OPR yang tidak berubah sejak Julai 2016. Kadar Asas (BR) berwajaran bagi bank perdagangan kekal 3.62% pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 3.83%). Kadar Pinjaman Purata (ALR) berwajaran pula mencatat 5.20% (akhir Julai 2016: 5.27%). Sementara itu, kadar faedah deposit tabungan bagi bank komersial berkurang sebanyak dua mata asas kepada 0.96% pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 0.98%). Kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1 bulan hingga 12 bulan kekal stabil antara 2.88% dan 3.10% (akhir Julai 2016: 2.90%; 3.06%).

## Agregat monetari terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017. M1 atau wang secara kecil meningkat 10.9% kepada RM392.8 bilion pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 2.0%; RM354.2 bilion) disokong oleh peningkatan deposit permintaan yang lebih tinggi sebanyak 11% (akhir Julai 2016: -0.1%). Selain itu, M3 atau wang secara luas berkembang 4.8% kepada RM1,675 bilion (akhir Julai 2016: 2.3%; RM1,597.8 bilion) terutamanya didorong oleh aliran masuk portfolio bersih pada suku kedua 2017. Tuntutan bersih ke atas Kerajaan dan pemberian kredit kepada sektor swasta yang lebih tinggi turut menyumbang kepada pertumbuhan ini terutamanya melalui bon korporat dalam tempoh separuh pertama 2017.

**Rajah 5.1. Agregat Monetari**  
(% perubahan)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2017.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Jadual 5.1. Faktor Penentu M3**  
Januari – Julai

	Perubahan (RM bilion)	
	2016	2017
<b>M3</b>	<b>3.2</b>	<b>31.1</b>
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-4.6	25.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	37.7	46.4
Pinjaman	30.4	25.6
Sekuriti	7.4	20.9
Aset asing bersih	-18.9	-3.0
Bank Negara Malaysia <sup>1</sup>	-17.6	3.2
Sistem perbankan	-1.3	-6.2
Pengaruh lain	-11.0	-37.6


<sup>1</sup> Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

## Ringgit mengukuh berbanding dolar AS

Ringgit serta kebanyakan mata wang utama dan serantau mengukuh berbanding dolar AS dalam tempoh lapan bulan pertama 2017. Peningkatan ringgit didorong oleh kemasukan semula aliran dana bukan pemastautin ke pasaran kewangan Malaysia berikutan keadaan makroekonomi

domestik yang menggalakkan. Selain itu, langkah yang diumumkan oleh FMC pada Disember 2016 dan April 2017 turut menyokong sentimen ringgit yang positif. Antara langkah yang telah diumumkan adalah menggalakkan lindung nilai pertukaran matawang asing dalam pasaran domestik dan kontrak hadapan tanpa serahan (NDF). Langkah lain yang turut dilaksanakan adalah keperluan penukaran hasil eksport daripada mata wang asing kepada ringgit serta peningkatan liberalisasi pasaran bon. Dari Januari hingga akhir Ogos 2017, nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 5.1% berbanding dolar AS.

**Rajah 5.2. Prestasi Ringgit Berbanding**  
**Mata Wang Terpilih**  
(% perubahan)



Sumber: Bank Negara Malaysia.

## Perkembangan Sektor Kewangan

### Prestasi Sistem Perbankan

#### Sistem perbankan kekal rancak

Sistem perbankan kekal rancak dengan semua penunjuk pembiayaan berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 selaras dengan prestasi ekonomi yang memberangsangkan. **Permohonan pinjaman** meningkat 4.1% kepada RM477.5 bilion dan **kelulusan pinjaman** meningkat ketara 11.2% kepada RM212.2 bilion (Januari – Julai 2016: 0.5%, RM458.9 bilion; -15.4%, RM190.7 bilion). Pada masa yang sama, **pengeluaran pinjaman** bertambah 10% kepada RM632.5 bilion (Januari – Julai 2016: -2.7%; RM574.8 bilion). **Jumlah pinjaman terkumpul** mencatat peningkatan 5.6% kepada RM1,549.4 bilion pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 5.9%; RM1,467.3 bilion).

Dalam tempoh yang sama, kelulusan pinjaman kepada **perniagaan** kembali pulih sebanyak 10.4% kepada RM86.9 bilion (Januari – Julai 2016: -11.6%; RM78.7 bilion) dan pengeluaran pinjaman meningkat 14.3% kepada RM416.4 bilion (Januari – Julai 2016: -2.3%; RM364.5 bilion). Sektor pembuatan merupakan penerima terbesar pinjaman yang dikeluarkan iaitu 19.4% diikuti sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (18.7%). Sementara itu, permohonan pinjaman menyusut

1.4% kepada RM189 bilion (Januari – Julai 2016: -0.2%; RM191.7 bilion) terutamanya permohonan daripada perusahaan kecil dan sederhana. Secara keseluruhan, pinjaman terkumpul sektor perniagaan meningkat 6.7% kepada RM567.4 bilion pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 5%; RM531.9 bilion).

Pembiayaan kepada **perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** mencatat pertumbuhan kukuh dengan pengeluaran pinjaman meningkat secara signifikan sebanyak 13.4% kepada RM160.7 bilion (Januari – Julai 2016: -3.8%; RM141.7 bilion). Jumlah pinjaman terkumpul bagi PKS meningkat 8.1% kepada RM292 bilion yang mencakupi 51.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul perniagaan pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 9.8%; RM270.2 bilion; 50.8%). Sebahagian besar pinjaman terkumpul adalah bagi tujuan modal kerja (43.9%) dan pembelian hartanah (36.2%). Walau bagaimanapun, permohonan dan kelulusan pinjaman merosot 3.5% dan 3.3% kepada RM97.5 bilion dan RM34.4 bilion (Januari – Julai 2016: -9.1%, -7.3%; RM101 bilion, RM35.5 bilion).

**Jadual 5.2. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Julai**

	RM bilion		Perubahan (%)	
	2016	2017	2016	2017
<b>Jumlah<sup>1</sup></b>				
Permohonan pinjaman	458.9	477.5	0.5	4.1
Kelulusan pinjaman	190.7	212.2	-15.4	11.2
Pengeluaran pinjaman	574.8	632.5	-2.7	10.0
Pinjaman terkumpul <sup>2</sup>	1,467.3	1,549.4	5.9	5.6
<i>antaranya:</i>				
<b>Perniagaan</b>				
Permohonan pinjaman	191.7	189.0	-0.2	-1.4
Kelulusan pinjaman	78.7	86.9	-11.6	10.4
Pengeluaran pinjaman	364.5	416.4	-2.3	14.3
Pinjaman terkumpul <sup>2</sup>	531.9	567.4	5.0	6.7
<i>antaranya:</i>				
<b>PKS</b>				
Permohonan pinjaman	101.0	97.5	-9.1	-3.5
Kelulusan pinjaman	35.5	34.4	-7.3	-3.3
Pengeluaran pinjaman	141.7	160.7	-3.8	13.4
Pinjaman terkumpul <sup>2</sup>	270.2	292.0	9.8	8.1
<b>Isi rumah</b>				
Permohonan pinjaman	242.2	270.9	-2.4	11.9
Kelulusan pinjaman	100.6	114.9	-20.7	14.1
Pengeluaran pinjaman	162.5	169.3	-7.9	4.2
Pinjaman terkumpul <sup>2</sup>	841.2	883.8	5.7	5.1

<sup>1</sup> Termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain.

<sup>2</sup> Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pembiayaan PKS juga diperluas melalui penyediaan pinjaman alternatif di bawah **tabung pusingan khas<sup>1</sup>** BNM yang menawarkan pembiayaan pada kos berpatutan. Sejak tabung ini diperkenalkan hingga akhir Julai 2017, lebih daripada 75,000 PKS telah dibantu dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan bernilai RM30.1 bilion dan purata kadar penggunaan sebanyak 75.8% (akhir Julai 2016: 69,274 PKS; RM28.6 bilion; 76.2%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017, pembiayaan keseluruhan yang diluluskan berjumlah RM0.7 bilion untuk 3,242 PKS (Januari – Julai 2016: RM1.2 bilion; 3,144 PKS).

Berkuat kuasa 19 Jun 2017, Dana untuk Industri Kecil dan Sederhana 2, Dana Usahawan Baru 2, Dana untuk Makanan, Dana Perusahaan Mikro dan Kemudahan Bantuan Bencana disatukan menjadi Dana Khas BNM untuk PKS bagi memenuhi permintaan pembiayaan daripada PKS. Ciri-ciri dana telah ditambah baik bagi membantu PKS yang menghadapi masalah dalam mendapatkan pembiayaan daripada bank seperti syarikat baru mula dan usahawan yang tidak mempunyai rekod kukuh atau cagar. Akses juga telah ditambah dengan melibatkan semua bank berlesen dan institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan. Sementara itu, satu lagi dana khas yang dipanggil Tabung Projek Usahawan Bumiputera - Islam dilaksanakan melalui Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad.

Pembiayaan kepada perusahaan mikro juga disediakan oleh institusi kewangan di bawah **Skim Pembiayaan Mikro**. Pada masa ini, tujuh institusi perbankan dan tiga institusi kewangan pembangunan menyediakan pembiayaan produk kewangan konvensional dan patuh Syariah kepada usahawan mikro melalui lebih daripada 2,000 penyedia perkhidmatan. Jumlah pembiayaan yang diluluskan bagi tempoh tujuh bulan pertama 2017 mencatat RM223.5 juta melibatkan 8,984 akaun. Sejak skim ini diperkenalkan pada 2006 hingga Julai 2017, lebih daripada RM3.6 bilion pembiayaan telah diluluskan kepada 209,954 akaun.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017, **pinjaman kepada isi rumah** kekal stabil dengan permohonan pinjaman meningkat secara ketara sebanyak 11.9% kepada RM270.9 bilion (Januari – Julai 2016: -2.4%; RM242.2 bilion). Kelulusan dan pengeluaran pinjaman juga meningkat 14.1% dan 4.2% kepada RM114.9 bilion dan RM169.3 bilion (Januari – Julai 2016: -20.7%, -7.9%; RM100.6 bilion, RM162.5 bilion). Kebanyakan pinjaman yang dikeluarkan kepada isi rumah adalah bagi penggunaan secara kredit dengan nilai RM79.1 bilion atau 46.7%

<sup>1</sup> Tabung pusingan khas terdiri daripada Tabung untuk Makanan yang ditubuhkan pada 1993; Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (2000); Tabung Usahawan Baru 2 (2001); Tabung Pembiayaan Mikro (2008); Tabung Projek Usahawan Bumiputera - Islam (2009) dan Kemudahan Bantuan Khas (2015). Kemudahan Bantuan Khas, dikelaskan semula sebagai Kemudahan Bantuan Bencana telah ditutup permohonannya pada 30 Jun 2015 dan akan ditawarkan semula apabila diaktifkan oleh BNM.



**Jadual 5.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor (Akhir Julai)**

	RM bilion		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017
<b>Perniagaan</b>	<b>531.9</b>	<b>567.4</b>	<b>36.3</b>	<b>36.6</b>
Bukan PKS <sup>1</sup>	261.7	275.3	17.8	17.8
PKS	270.2	292.0	18.4	18.8
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	34.8	36.2	2.4	2.3
Perlombongan dan kuari	11.0	10.5	0.8	0.7
Pembuatan	97.2	101.4	6.6	6.5
Bekalan elektrik, gas dan air	9.0	8.4	0.6	0.5
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	106.9	113.1	7.3	7.3
Pembinaan	63.4	69.9	4.3	4.5
Harta tanah	103.0	110.0	7.0	7.1
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	31.3	38.3	2.1	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	46.2	49.4	3.1	3.2
<b>Isi rumah</b>	<b>841.2</b>	<b>883.8</b>	<b>57.3</b>	<b>57.0</b>
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	433.7	472.9	29.6	30.5
Pembelian harta tanah bukan kediaman	79.5	79.5	5.4	5.1
Pembelian kereta penumpang	148.1	146.5	10.1	9.5
Kredit penggunaan	99.3	102.4	6.8	6.6
<i>antaranya:</i>				
Kad kredit	34.7	35.3	2.4	2.3
Kegunaan persendirian	64.5	66.9	4.4	4.3
Pembelian keselamatan	59.0	59.6	4.0	3.8
Lain-lain	21.6	22.9	1.5	1.5
<b>Sektor lain</b>	<b>94.2</b>	<b>98.3</b>	<b>6.4</b>	<b>6.3</b>
<b>Jumlah<sup>2</sup></b>	<b>1,467.3</b>	<b>1,549.4</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup> Bukan PKS merujuk kepada syarikat besar, termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain.

<sup>2</sup> Jumlah = Perniagaan + Isi Rumah + Sektor lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan kepada isi rumah (Januari – Julai 2016: RM76.6 bilion; 47.2%). Seterusnya, diikuti oleh pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman berjumlah RM44.3 bilion atau 26.1% (Januari – Julai 2016: RM44.7 bilion; 27.5%). Sementara itu, pada akhir Julai 2017, jumlah pinjaman terkumpul isi rumah meningkat 5.1% atau RM883.8 bilion mewakili 57% daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan (akhir Julai 2016: 5.7%; RM841.2 bilion; 57.3%).

Jumlah hutang isi rumah<sup>2</sup> terus menyederhana sejak 2012. Pada akhir Julai 2017, jumlah hutang isi rumah meningkat 5.1% kepada RM1,111.9 bilion (akhir Julai 2016: 5.8%; RM1,057.8 bilion) terutamanya pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman yang meningkat 8.8%. Jumlah hutang isi rumah mencatat 85.6% kepada KDNK pada suku kedua 2017 (akhir 2016: 88.4%). Sebahagian besar hutang isi rumah adalah untuk pemilikan harta dengan 63% pinjaman bersandarkan aset hartanah dan pelaburan dengan prinsipal terjamin. Trend pertumbuhan hutang isi rumah yang sederhana telah disokong oleh pelaksanaan beberapa langkah berhemat yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak 2010 bagi mengekang pertambahan hutang isi rumah. Selain itu, isi rumah juga lebih berhati-hati dalam menambah hutang dan berwaspada dengan kemampuan mereka untuk membayar balik pinjaman.

Secara keseluruhan, kapasiti bayaran balik hutang isi rumah kekal teguh pada tujuh bulan pertama 2017 disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan keadaan pasaran buruh yang stabil. Jumlah aset kewangan isi rumah meningkat 8.1% kepada RM2,339.4 bilion (akhir Julai 2016: 4.4%; RM2,164.5 bilion). Deposit dan instrumen mirip deposit (43.2%) kekal sebagai komponen utama aset kewangan isi rumah yang menyediakan akses mudah tunai kepada isi rumah untuk menampung sebarang peningkatan dalam perbelanjaan. Sementara itu, kadar delinkuensi dan jejas nilai kepada jumlah pinjaman isi rumah kekal rendah pada 1.4% dan 1.7% (akhir Julai 2016: 1.5%; 1.7%).

### **Sistem perbankan dengan permodalan yang kukuh**

Keupayaan sistem perbankan untuk menyerap kerugian terus kukuh disokong oleh kedudukan permodalan yang tinggi. Pada akhir Julai 2017, sistem perbankan kekal dengan permodalan yang tinggi dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 pada 13.3%, nisbah modal kumpulan 1 (14.2%) dan nisbah jumlah modal (17.5%) melepasi tahap pengawalseliaan minimum Basel III (akhir 2016: 13.1%, 14% dan 16.5%). Lebih 75% daripada jumlah modal bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi dalam bentuk perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Jumlah penampungan modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan kekal melebihi RM138.9 bilion (akhir 2016: RM124.5 bilion).

Prestasi sistem perbankan terus kukuh berikutan kecekapan yang diperolehi daripada penggunaan teknologi baharu dan tenaga kerja yang optimum. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat 4.2% kepada RM19.8 bilion bagi tempoh tujuh bulan pertama 2017 berikutan peningkatan


<sup>2</sup> Terdiri daripada pinjaman yang diberikan terutamanya oleh sistem perbankan, DFI dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

pendapatan dalam aktiviti pengantaraan dan berasaskan fi (Januari – Julai 2016: 11.9%; RM19 bilion). Sehubungan itu, pulangan ke atas aset kekal stabil pada 1.4% dan ekuiti bank pada 12.4% (akhir 2016: 1.3%; 12.8%).

Kualiti pinjaman sistem perbankan kekal stabil sepanjang tempoh tersebut dengan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih mencatat 1.2% pada akhir Julai 2017 (akhir 2016: 1.2%). Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman sistem perbankan pula berada pada 81.4% (akhir 2016: 86.5%). Sistem perbankan mengekalkan penampungan yang mencukupi untuk menampung sebarang kemungkinan kerugian kredit dengan mengambil kira rizab pengawalseliaan bagi pinjaman dan pembiayaan.

Kecairan sistem perbankan kekal mencukupi dengan lebih ringgit di BNM berada pada RM180 bilion (akhir 2016: RM184.5 bilion). Jumlah ini boleh disalurkan ke dalam sistem kewangan bagi memenuhi keperluan kecairan. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) sistem perbankan berada pada 137.1% (akhir 2016: 124.3%) dengan hampir semua bank merekodkan LCR melebihi 100%. Peningkatan LCR adalah berikutan kenaikan pegangan aset cair berkualiti tinggi oleh bank khususnya dalam bentuk sekuriti Kerajaan.

**Rajah 5.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (Akhir tempoh)**



<sup>1</sup>Akhir Julai 2017.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Malaysia telah mencapai kemajuan pesat dalam mempercepatkan peralihan daripada pembayaran berasaskan tunai kepada pembayaran elektronik dalam usaha membangunkan ekonomi digital. Pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pada 22 Mac 2017 dan kemasukan penyedia perkhidmatan dompet elektronik (e-dompet) global dijangka mengubah lanskap sistem pembayaran di Malaysia. Peralihan daripada kad pembayaran berasaskan tandatangan kepada pembayaran berasaskan PIN telah berkuat kuasa pada 1 Julai 2017 bagi meningkatkan ciri keselamatan kad pembayaran. Selain itu, beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi meningkatkan keterangkuman kewangan termasuk menambah bilangan ejen

perbankan serta menganjurkan Karnival Kewangan. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam Indeks Rangkuman Kewangan kepada 0.90 pada 2016 berbanding 0.77 pada 2011.

### Pertumbuhan DFI yang menggalakkan

Institusi kewangan pembangunan (DFI) terus menyokong perkembangan ekonomi melalui pertumbuhan pembiayaan yang memberangsangkan. Langkah kehematan telah ditambah baik selaras dengan Akta Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015 bagi meningkatkan daya tahan dan keberkesanan DFI terutamanya dalam tadbir urus korporat, transaksi pihak berkaitan dan audit dalaman. Pada akhir Julai 2017, jumlah pembiayaan terkumpul DFI meningkat sebanyak 4.2% kepada RM143.7 bilion (akhir Julai 2016: 4.6%; RM138 bilion) disokong oleh pertumbuhan dalam sektor isi rumah, pembinaan dan pertanian.

Pembiayaan dikeluarkan DFI kepada PKS meningkat 28.3% kepada RM4.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 (Januari – Julai 2016: -10.6%; RM3.3 bilion). Sementara itu, pembiayaan yang diluluskan kepada PKS mencatat RM4.2 bilion (Januari – Julai 2016: RM5.9 bilion). Pada akhir Julai 2017, pembiayaan terkumpul DFI berjumlah RM13.7 bilion (akhir Julai 2016: RM14.7 bilion) terutamanya kepada sektor pertanian primer; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; dan pembinaan.

**Jadual 5.4. Institusi Kewangan Pembangunan: Halatuju Pinjaman Mengikut Sektor (Akhir Julai)**

	RM bilion		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017
Pertanian primer	8.7	9.5	6.3	6.6
Pembuatan	4.6	5.4	3.4	3.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4.7	5.0	3.4	3.5
Pembinaan	11.4	12.5	8.3	8.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	8.9	7.8	6.5	5.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	5.5	5.1	4.0	3.5
Isi rumah	83.2	87.5	60.3	60.9
Lain-lain	11.0	11.0	8.0	7.7
<b>Jumlah</b>	<b>138.0</b>	<b>143.7</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd, Bank Pembangunan Malaysia Bhd, Bank Pertanian Malaysia Bhd, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Bhd, Bank Simpanan Nasional dan Export-Import Bank of Malaysia Bhd. Angka tidak semestinya berjumlah disebabkan penggenapan.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

### Sisipan 5.1

## E-Dompet: Mendefinisi Semula Kaedah Pembayaran


### Pengenalan

Seiring dengan kemajuan teknologi, kaedah pembayaran bagi urus niaga perniagaan di Malaysia telah berkembang daripada pembayaran berasaskan kertas kepada berasaskan kad serta mudah alih di dalam tempoh empat dekad yang lalu. Dengan kemunculan Revolusi Industri 4.0, aplikasi mudah alih telah menguasai gaya hidup termasuk pembelian barangan dan perkhidmatan harian. Selain daripada penggunaan kad kredit dalam talian, penggunaan dompet elektronik (e-dompet) menjadi semakin popular dan berkembang pesat. Secara khususnya, urus niaga dompet mudah alih global bernilai kira-kira USD594 bilion pada 2016 dan dijangka mencapai USD3.1 trilion menjelang 2022 iaitu berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 32% antara 2017 dan 2022.<sup>1</sup>

### Apakah E-Dompet?

E-dompet pada asasnya adalah versi digital bagi dompet fizikal yang menyimpan maklumat pengguna seperti identiti, e-mel dan alamat rumah, pelbagai kad kredit dan nombor akaun bank, serta kad hadiah dan kad kesetiaan dalam persekitaran yang selamat. Selain dimuatkan dengan wang, e-dompet direka untuk menjadi lebih mudah berbanding dompet fizikal dengan menyediakan pengurusan pembayaran dan akaun yang lebih baik. E-dompet membolehkan pengguna menerima tawaran dan pemberitahuan daripada peniaga, menyimpan resit digital dan maklumat waranti. Contoh penyedia e-dompet global ialah Alipay, Paytm, Samsung Pay, Apple Pay, Android Pay dan PayPal. Sehingga Julai 2017, penyedia perkhidmatan e-dompet di Malaysia yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ialah Alipay, Visa Checkout, Masterpass, CIMB Pay dan Samsung Pay.

#### Rajah 5.1.1. Pengoperasian E-Dompet



<sup>1</sup> Laporan Pasaran Dompet Mudah Alih Global 2016 – 2022 (2016). Zion Market Research.



## Pengoperasian E-Dompot

Pengoperasian e-dompot bergantung kepada jenis dompet, teknologi dan peranti pengguna, spesifikasi dan aturan penyedia perkhidmatan serta bank ejen atau bank penyelesaian. Dana e-dompot terdiri daripada pelbagai sumber seperti kad debit atau kredit, kad prabayar, akaun bank, mata wang maya<sup>2</sup> atau sebarang penyimpan nilai lain. Sebagai contoh, Samsung Pay dan CIMB Pay menghubungkan kad kredit dan kad debit untuk membiayai transaksi pembayaran manakala pemegang akaun Paypal dan Alipay Malaysia boleh memindahkan dana daripada akaun bank untuk membuat pembayaran. Secara ringkasnya, operasi e-dompot adalah seperti Rajah 5.1.1.

## Evolusi Pembayaran Elektronik Di Malaysia

Kemunculan e-dompot merancakkan pembangunan e-dagang dan menambah baik sistem pembayaran runcit dengan menawarkan proses pembayaran yang cepat, mudah dan selamat. Kaedah ini menggalakkan penggunaan sistem pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) yang menyokong langkah global ke arah masyarakat tanpa tunai. Penyediaan infrastruktur yang membolehkan e-dompot diakses di kawasan terpencil adalah lebih efektif dan seterusnya meluaskan keterangkuman kewangan melalui penggunaan wang secara digital. Di samping itu, e-dompot menyediakan transaksi yang lebih selamat dan boleh dipercayai serta dapat menambah baik sistem pembayaran, menjimatkan kos dan meningkatkan kecekapan ekonomi keseluruhannya.

Salah satu objektif utama di bawah Pelan Sektor Kewangan (PSK) Bank Negara Malaysia (BNM) 2011-2020 ialah mencapai kecekapan ekonomi yang lebih tinggi melalui e-pembayaran. BNM telah berusaha untuk mempromosikan e-pembayaran seperti merumuskan Rangka Kerja E-Pembayaran dalam PSK dan mewujudkan persekitaran yang menyokong bagi merangsang penggunaan e-pembayaran. Langkah ini termasuk memperbaharu harga; meluaskan pusat akses; menambah baik kualiti dan ciri keselamatan; serta memupuk kesedaran dan keyakinan yang lebih tinggi dalam penggunaan e-pembayaran. Sehingga 2016, purata transaksi e-pembayaran adalah 97 kali setahun bagi setiap individu berbanding 49 kali pada 2011.<sup>3</sup>

Pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pada 2017 menyaksikan perkembangan signifikan bagi pasaran e-dompot di Malaysia. Antaranya, kerjasama antara pengendali Alipay iaitu Ant Financial Services Group dengan Touch 'n Go dijangka mengubah lanskap sistem pembayaran di Malaysia. Penyertaan penyedia perkhidmatan global dalam pasaran Malaysia mendorong lebih banyak persaingan dan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk mengambil bahagian dalam segmen e-dompot.

## Kesimpulan

Selaras dengan perkembangan e-dompot, penambahbaikan dan inovasi dijangka berlaku terutamanya dalam bidang teknologi seperti analitik e-dompot. Penyedia perkhidmatan e-dompot mendapat manfaat daripada analitik data dan perlombongan data bagi pemasaran bersasar. Kemampuan ini berikutan keupayaan mereka merekodkan dengan menjejak dan menghubungkan trend tindakan pengguna merentas perkhidmatan dan peruncit yang berbeza. Aktiviti ini membolehkan peruncit memberi tawaran dan kupon secara mudah alih kepada pelanggan. Di samping itu, penyedia perkhidmatan boleh menawarkan pembayaran secara kredit atau pembiayaan mikro kepada pengguna memandangkan mereka boleh menilai keupayaan kredit dan corak perbelanjaan pengguna. Penggunaan analitik data akan mengubah strategi pemasaran perniagaan pada masa hadapan.

<sup>2</sup> Mata wang maya adalah representasi digital bagi nilai yang tidak dikeluarkan oleh bank pusat atau pihak berkuasa awam, dan tidak semestinya bersandar kepada mata wang fiat, tetapi diterima sebagai cara pembayaran dan boleh dipindahkan, disimpan atau didagangkan secara elektronik. Sumber: Pendapat mengenai mata wang maya (2014). Lembaga Perbankan Eropah.

<sup>3</sup> Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran (2016). Bank Negara Malaysia.

### Permintaan mapan bagi perbankan Islam

Industri perbankan Islam<sup>3</sup> terus berkembang dari segi aset, deposit dan pembiayaan. Pada akhir Julai 2017, jumlah aset bank Islam dan DFI yang menawarkan produk perbankan Islam mencatat peningkatan 9.5% kepada RM783 bilion (akhir Julai 2016: 9.8%; RM714.8 bilion) mewakili 28.8% jumlah aset sistem perbankan (akhir Julai 2016: 27.3%). Jumlah pembiayaan meningkat 12% kepada RM578.4 bilion yang mencakupi 34.2% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan (akhir Julai 2016: 10.4%; RM516.2 bilion; 32.6%) yang menunjukkan permintaan berterusan bagi produk kewangan patuh Syariah.

Pertumbuhan jumlah pembiayaan disokong oleh peningkatan pengeluaran pembiayaan kepada sektor perniagaan pada 16.3% dan sektor isi rumah 9.4% (akhir Julai 2016: 12%; 9.5%). Lebih separuh daripada jumlah pembiayaan disalurkan kepada sektor isi rumah (60.4%) bernilai RM349.5 bilion pada akhir Julai 2017. Seterusnya diikuti sektor kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan harta tanah mencakupi 11.2% atau RM64.6 bilion manakala sektor pembinaan 4.8% atau RM27.9 bilion. Jumlah deposit dan akaun pelaburan meningkat 10.3% kepada RM640 bilion merangkumi 33.4% daripada jumlah deposit dalam sistem perbankan (akhir Julai 2016: 9.6%; RM580.5 bilion; 31.7%). Dalam tempoh tersebut, jumlah dana yang dijana melalui akaun pelaburan meningkat kepada RM74.8 bilion (akhir Julai 2016: RM68.3 bilion).

Malaysia kekal sebagai peneraju inovasi kewangan Islam dengan penubuhan Platform Akaun Pelaburan (IAP) pada Februari 2016. IAP mengguna pakai teknologi kewangan bagi tujuan menyediakan pengantaraan yang cekap kepada pelanggan. Pembiayaan yang dijana melalui IAP pada separuh pertama 2017 melonjak lebih tiga kali ganda kepada RM72 juta (akhir Jun 2016: RM20 juta). Terdapat pelbagai jenis perniagaan yang disenaraikan dalam IAP, antaranya termasuk koperasi, PKS dan syarikat besar. Pembiayaan bagi perniagaan terutamanya disalurkan untuk modal kerja dan pembangunan projek dengan jumlah antara RM5 juta hingga RM10 juta. Kebanyakan pembiayaan adalah untuk tempoh antara satu hingga tiga tahun.

Risiko ketidakpatuhan Syariah dalam sektor kewangan Islam Malaysia secara relatifnya masih rendah berikutan langkah perlindungan bagi mengurangkan risiko tersebut. Langkah ini termasuk memperjelas lagi setiap keperluan kontrak Syariah bagi menyokong inovasi dan mengurangkan risiko dalam industri. Pada separuh pertama 2017, dokumen dasar mengenai wa'd (janji) telah diterbitkan. Dokumen mengenai rahn (cagaran) dan bai al-sarf (pertukaran mata wang)

pula dijangka dimuktamadkan menjelang akhir 2017 bagi melengkapkan kompilasi piawaian pengawalseliaan Syariah yang digunapakai secara meluas dalam industri kewangan Islam.

**Jadual 5.5. Perbankan Islam: Penunjuk Utama (Akhir Julai)**

	RM bilion		Perubahan (%)	
	2016	2017	2016	2017
Aset	714.8	783.0	9.8	9.5
Pembiayaan	516.2	578.4	10.4	12.0
Pertanian primer	20.6	24.6	26.9	19.5
Perlombongan dan kuari	6.8	7.0	13.0	3.0
Pembuatan	22.4	25.3	5.8	13.1
Bekalan elektrik, gas dan air	2.7	1.9	-31.2	-26.9
Perdagangan, borong dan runcit, restoran dan hotel	19.7	22.8	16.8	14.7
Pembinaan	23.6	27.9	15.3	18.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	15.2	22.4	-2.0	47.7
Kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan harta tanah	56.0	64.6	15.7	15.4
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	24.8	24.3	17.2	-2.1
Isi rumah	319.4	349.5	9.5	9.4
Lain-lain	5.1	8.0	-11.8	58.6
Liabiliti	653.5	715.0	9.6	9.4
Deposit dan Akaun Pelaburan	580.5	640.0	9.6	10.3
Pelaburan	24.1	24.1	-0.6	-0.1
Tabungan	45.4	49.3	5.9	8.5
Permintaan	66.6	70.9	-1.4	6.5
Akaun pelaburan	68.3	74.8	106.1	9.6
Lain-lain	376.0	420.8	3.9	11.9

Nota: Perbankan Islam termasuk DFI. Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

## Prestasi Pasaran Modal

### Aktiviti pemerolehan dana yang rancak

Aktiviti pemerolehan dana oleh pasaran modal berkembang dengan ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 berikutan pengeluaran terbitan yang lebih kukuh daripada jangkaan. **Pemerolehan dana kasar oleh pasaran modal** mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 21.4% kepada RM134.6 bilion (Januari – Julai 2016: 3.9%; RM110.9 bilion). **Pemerolehan dana bersih oleh pasaran modal** kembali pulih sebanyak 56% kepada RM90.8 bilion (Januari – Julai 2016: -5.2%; RM58.2 bilion) selepas mengambil

<sup>3</sup> Merujuk kepada bank Islam dan DFI yang menawarkan produk perbankan Islam.

kira penebusan. Sektor swasta dan awam menyumbang secara seimbang kepada keseluruhan pemerolehan dana kasar oleh pasaran modal dengan jumlah RM67.2 bilion dan RM67.4 bilion (Januari – Julai 2016: RM53.2 bilion; RM57.7 bilion) dalam tempoh tersebut. **Pemerolehan dana kasar oleh sektor awam meningkat 16.9%** yang mencerminkan inisiatif berterusan Kerajaan bagi membangunkan ekonomi melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas. Terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat 14.3% kepada RM35.3 bilion (Januari – Julai 2016: 10%; RM30.9 bilion). Jumlah pemerolehan dana bersih oleh sektor awam melonjak kepada 27.5% dengan nilai RM42.5 bilion (Januari – Julai 2016: -20.6%; RM33.3 bilion) selepas mengambil kira penebusan.

**Jadual 5.6. Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal Januari – Julai**

	RM juta	
	2016	2017
<b>Sektor Awam</b>		
<b>Sekuriti Kerajaan</b>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	30,877.7	35,304.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	26,807.4	32,124.7
Terbitan baharu sekuriti hutang	57,685.1	67,428.7
Tolak: Penebusan	24,382.4	24,969.0
<b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam</b>	<b>33,302.7</b>	<b>42,459.7</b>
<b>Sektor Swasta</b>		
<b>Saham<sup>1</sup>/Waran</b>		
Tawaran Awam Awal	434.8	7,373.3
Terbitan Hak	5,683.7	2,744.2
Waran	100.2	-
<b>Terbitan baharu saham/waran</b>	<b>6,218.8</b>	<b>10,117.5</b>
<b>Sekuriti hutang<sup>2</sup></b>		
Bon biasa	3,720.0	1,753.0
Bon boleh tukar	83.9	-
Bon Islam	2,501.0	1,472.7
Nota jangka sederhana	40,692.6	53,871.8
<b>Terbitan baharu sekuriti hutang</b>	<b>46,997.5</b>	<b>57,097.4</b>
Tolak: Penebusan	28,309.9	18,874.1
<b>Terbitan bersih sekuriti hutang</b>	<b>18,687.6</b>	<b>38,223.3</b>
<b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta</b>	<b>24,906.4</b>	<b>48,340.8</b>
<b>Jumlah pemerolehan dana bersih</b>	<b>58,209.1</b>	<b>90,800.5</b>

<sup>1</sup> Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

<sup>2</sup> Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Pemerolehan dana kasar oleh sektor swasta** melalui terbitan bon korporat baharu mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 26.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 (Januari – Julai 2016: 20.8%). Sebahagian besar terbitan baharu adalah nota jangka sederhana yang menyumbang 94.4% daripada

jumlah bon korporat. Peningkatan pelaburan oleh institusi tempatan dan asing ke dalam pasaran bon korporat didorong oleh sentimen dan keyakinan pelabur yang lebih tinggi terhadap prestasi ekonomi Malaysia yang menggalakkan. Sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan kekal memperoleh sebahagian besar dana iaitu RM35.4 bilion atau 62.1% daripada jumlah keseluruhan terbitan baharu bon korporat (Januari – Julai 2016: RM24.1 bilion; 51.3%). Sebahagian besar dana digunakan bagi membiayai projek infrastruktur, modal kerja dan aktiviti perniagaan am. Walaupun wujud cabaran luaran, pemerolehan dana oleh pasaran ekuiti domestik meningkat lebih ketara dengan 10 tawaran awam awal (IPO) bernilai RM7.4 bilion dicatatkan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 (Januari – Julai 2016: 7 IPO; RM0.4 bilion) selaras dengan pengukuhan ekonomi domestik.

**Jadual 5.7. Bon Korporat Baharu mengikut Sektor Januari – Julai**


	RM juta		Bahagian (%)	
	2016	2017	2016	2017
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,088.7	100.0	2.3	0.2
Pembuatan	530.0	1,080.0	1.1	1.9
Pembinaan	3,327.7	2,013.2	7.1	3.5
Elektrik, gas dan air	4,959.9	10,277.7	10.6	18.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	2,640.0	1,341.9	5.6	2.4
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	24,121.3	35,447.4	51.3	62.1
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	10,179.7	6,747.9	21.7	11.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	150.2	89.4	0.3	0.2
<b>Jumlah</b>	<b>46,997.5</b>	<b>57,097.4</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin. Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan. Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017, kadar hasil bon Kerajaan secara keseluruhannya mencatatkan trend pengurangan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh Januari hingga Mac, kadar hasil nota jangka pendek meningkat disebabkan oleh jangkaan kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS (Fed) pada Mac 2017. Kadar hasil sepanjang tempoh tersebut kekal tinggi berikutan kemerosotan sentimen pelabur yang disebabkan oleh ketidakpastian persekitaran luaran. Ketidakpastian ini termasuk pembaharuan

dasar AS dan fasa normalisasi kadar faedah Fed di samping perkembangan Brexit serta pilihan raya di negara Kesatuan Eropah. Namun begitu, permintaan yang tinggi dan berterusan oleh pelabur institusi domestik telah mengekalkan kadar hasil pada tahap rendah walaupun pelabur bukan pemastautin melepaskan pegangan MGS.


**Rajah 5.4. Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia**  
(Akhir tempoh)



<sup>1</sup>Akhir Julai 2017.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kadar hasil MGS mula berkurang pada April 2017 berikutan pemulihan aliran masuk pelaburan daripada pelabur bukan pemastautin ke dalam bon Kerajaan bagi semua tempoh matang. Trend pengurangan kadar hasil sebahagiannya menggambarkan perkembangan positif kesan daripada inisiatif kedua FMC yang diumumkan pada 13 April 2017. Inisiatif ini membolehkan pelabur berdaftar menjalankan lindung nilai dinamik sepenuhnya serta membenarkan pelabur pemastautin membuat jualan singkat untuk MGS. Pada akhir Julai 2017, kadar hasil MGS bertempoh matang 3-tahun dan 10-tahun menyusut 11 dan 24 mata asas manakala kadar hasil bagi nota bertempoh matang 5-tahun kekal tidak berubah dalam tempoh tersebut. Pegangan bukan pemastautin dalam keseluruhan bon Kerajaan berkurang 25.4% daripada jumlah bon Kerajaan terkumpul pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 34.1%). Dalam pasaran MGS, pelabur bukan pemastautin telah melepaskan pegangan sebanyak RM19.6 bilion dalam tempoh yang sama (Januari – Julai 2016:

**Rajah 5.5. Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah MGS Terkumpul**  
(Akhir Tempoh)




<sup>1</sup>Akhir Julai 2017.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

+RM23.2 bilion) yang menyebabkan pengurangan pegangan bukan pemastautin kepada 40.1% daripada jumlah MGS terkumpul (akhir Julai 2016: 51.9%).

Kadar hasil bagi nota bernilai tinggi dalam pasaran bon korporat terus mendapat manfaat daripada permintaan pelabur institusi domestik. Keyakinan pelabur juga didorong oleh pengukuhan nilai ringgit dan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan hasil permintaan domestik serta eksport yang tinggi. Kadar hasil bon korporat juga rendah berikutan permintaan tinggi terhadap bon Malaysia yang didorong oleh inisiatif BNM meliberalisasi peraturan pasaran modal bagi pelabur asing berkuat kuasa 2 Mei 2017. Pada akhir Julai 2017, kadar hasil bon korporat bertempoh matang 5-tahun dengan penarafan AAA, AA dan A berkurang sebanyak 11,13 dan empat mata asas.

Spread kredit bon korporat yang mengecil dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 telah menggambarkan permintaan berterusan dalam pasaran bon korporat. Spread kredit juga menguncup berikutan pembelian bon korporat oleh pelabur pada separuh pertama 2017 kesan daripada peningkatan keyakinan pelabur dan keadaan kredit yang lebih baik. Keadaan ini menjadikan spread kredit bon korporat bertempoh matang 5-tahun dengan penarafan AAA, AA dan A berkurang sebanyak 10,12 dan empat mata asas. Di samping itu, spread tempoh matang MGS juga mengecil sebanyak 18 mata asas.

**Rajah 5.6. Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun**  
(Akhir Tempoh)



<sup>1</sup>Akhir Julai 2017.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Pengukuhan trend FBM KLCI**

Indeks Komposit Kuala Lumpur Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia (FBM KLCI) mencatat trend peningkatan berperingkat dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 seiring dengan prestasi bursa serantau. Prestasi pasaran ekuiti bermula dengan baik pada awal 2017 terutamanya didorong oleh sentimen positif berikutan dasar



pro-pertumbuhan AS dan prestasi ekonomi China yang kukuh. Pasaran juga meningkat kesan pemulihan harga minyak mentah berikutan pengurangan pengeluaran minyak oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC). Keyakinan pelabur terus meningkat dengan FBM KLCI melepasi paras 1,700 pada 13 Februari 2017. Di samping itu, aliran masuk dana asing yang tinggi turut membantu kenaikan indeks bursa tempatan pada Mac dan April 2017.

**Jadual 5.8. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih Januari – Ogos**

	2016	2017
<b>Indeks<sup>1</sup></b>		
FBM KLCI	1,678.06	1,773.16
FBM EMAS	11,783.40	12,610.07
FBM 100	11,496.78	12,281.66
FBM SCAP	15,163.02	16,747.36
FBM-ACE	5,259.03	6,612.74
<b>Jumlah urus niaga<sup>2</sup></b>		
Bilangan (juta unit)	304,524.48	427,643.61
Nilai (RM juta)	324,728.49	406,319.57
<b>Purata urus niaga harian<sup>2</sup></b>		
Bilangan (juta unit)	1,856.86	2,623.58
Nilai (RM juta)	1,980.05	2,492.76
Permodalan pasaran <sup>1</sup> (RM bilion)	1,694.42	1,847.33
<b>Bilangan syarikat disenaraikan<sup>1</sup></b>		
Pasaran Utama	793	787
Pasaran ACE	112	115
<b>Kecairan pasaran<sup>1</sup></b>		
Nilai urus niaga/permodalan pasaran (%)	19.2	22.0
<b>Penumpuan pasaran<sup>1</sup></b>		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	34.1	33.6

<sup>1</sup> Pada akhir tempoh.


<sup>2</sup> Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung.  
Sumber: Bursa Malaysia.

FBM KLCI ditutup pada paras tahunan tertinggi iaitu 1,792.35 mata pada 14 Jun 2017. Sentimen positif ini sebahagian besarnya didorong oleh keyakinan pelabur terhadap perdagangan global dan pertumbuhan ekonomi. Prestasi FBM KLCI juga lebih baik berikutan peningkatan pendapatan korporat domestik dan kestabilan harga minyak mentah global susulan pengumuman OPEC melanjutkan tempoh pengurangan pengeluaran sehingga 2018. Penyertaan aktif pelaburan asing juga memainkan peranan penting dalam prestasi pasaran di mana pembelian asing terkumpul melonjak ketara pada separuh pertama 2017 iaitu yang tertinggi dalam kalangan negara ASEAN.

Namun demikian, pasaran FBM KLCI kembali ke paras 1,750 bermula Julai 2017 berikutan jangkaan terhadap dasar monetari yang lebih ketat selaras

dengan kenyataan kebanyakan bank pusat utama dunia. Pelabur juga mengambil langkah berhati-hati berikutan kebimbangan terhadap perkembangan geopolitik semasa. FBM KLCI kembali pulih kepada 1,760.03 mata menjelang akhir Julai 2017 berikutan semakan semula anggaran pertumbuhan ekonomi Malaysia oleh IMF daripada 4.5% kepada 4.8% bagi 2017. Prestasi pasaran mengekalkan momentum positif pada Ogos 2017 berikutan sentimen pelabur yang lebih baik susulan pengumuman peningkatan lebihan dagangan domestik pada bulan Jun. FBM KLCI ditutup lebih tinggi selepas harga minyak mentah melonjak daripada paras tiga minggu terendah pada pertengahan Ogos 2017. Perkembangan pasaran juga dipacu oleh pertumbuhan KDNK suku kedua yang lebih tinggi daripada jangkaan, pengukuhan ringgit serta peningkatan pendapatan korporat. Dari Januari hingga akhir Ogos 2017, FBM KLCI melonjak 8% atau 131.4 mata kepada 1,773.16 mata (akhir Ogos 2016: -0.9%; -14.5 mata; 1,678.06 mata).

**Rajah 5.7. Prestasi Bursa Malaysia**




<sup>1</sup> Akhir tempoh.

<sup>2</sup> Akhir Ogos 2017.

Sumber: Bursa Malaysia.

**Rajah 5.8. Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)**



Sumber: Bloomberg.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2017, terdapat peningkatan ketara bagi urus niaga dagangan berbanding tempoh yang sama pada 2016. Jumlah urus niaga pasaran di Bursa Malaysia melonjak 40.4% kepada 427.6 bilion unit (Januari – Ogos 2016: -5.9%; 304.5 bilion unit). Jumlah nilai urus niaga pasaran juga meningkat 25.1% kepada RM406.3 bilion



(Januari – Ogos 2016: -3.4%; RM324.7 bilion). Purata jumlah dagangan harian bertambah kepada 2.6 bilion unit dan purata nilai dagangan harian meningkat RM2.5 bilion (akhir Ogos 2016: 1.9 bilion unit; RM2 bilion). Pada akhir Ogos 2017, permodalan pasaran mencatat kenaikan 9% kepada RM1,847.3 bilion (akhir Ogos 2016: 8.9%; RM1,694.4 bilion). Halaju pasaran kekal kukuh pada 32% manakala volatiliti pasaran mencatatkan paras lebih rendah pada 4.3% (Januari – Ogos 2016: 27.7%; 7.1%). Sementara itu, pada akhir Ogos 2017, pegangan saham asing daripada keseluruhan permodalan pasaran dalam bursa tempatan meningkat kepada 23.4% (akhir Ogos 2016: 23%).

### Dagangan pasaran derivatif lebih perlahan

Pasaran derivatif merosot 1.5% kepada 9.4 juta kontrak dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari – Ogos 2016: 4.2%; 9.6 juta kontrak). Jumlah dagangan dalam pasaran derivatif kekal rendah ekoran perubahan kawal selia serta perkembangan geopolitik yang mempengaruhi minat pelabur. Dalam tempoh yang sama, niaga hadapan minyak sawit mentah (FCPO) kekal sebagai pemacu utama pasaran menyumbang 84.7% daripada jumlah dagangan kontrak manakala instrumen derivatif lain hanya memberi sumbangan kecil kepada dagangan.

Jumlah urus niaga FCPO meningkat 4.4% kepada 8 juta kontrak (Januari – Ogos 2016: 6.1%; 7.7 juta kontrak) berikutan jangkaan pelabur terhadap harga minyak sawit mentah (CPO) yang lebih tinggi berpunca daripada inventori dan pengeluaran yang lebih rendah. Harga purata penanda aras CPO 3-bulan meningkat kepada RM2,667 setan metrik (Januari – Ogos 2016: RM2,520 setan metrik) selari dengan kemerosotan bekalan CPO dan kenaikan harga minyak mentah. Walau bagaimanapun, jumlah dagangan niaga hadapan FBM KLCI (FKLI) mencatat penurunan sebanyak 25.3% kepada 1.4 juta kontrak (Januari – Ogos 2016: -2.6%; 1.9 juta kontrak) yang dipengaruhi oleh volatiliti indeks ekuiti sandaran yang sangat rendah. Sementara itu, prestasi dagangan Opsyen bagi FKLI (OKLI) menunjukkan peningkatan yang ketara dengan 14,980 kontrak telah didagangkan dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari – Ogos 2016: 5,544 kontrak) hasil daripada kesan positif Pelan Pembangunan OKLI 2016/2017.<sup>4</sup> Sebaliknya, dagangan dalam Opsyen bagi FCPO (OCPO) menyusut kepada 22,849 kontrak dalam tempoh yang sama (Januari – Ogos 2016: 26,720 kontrak).

Bagi tempoh lapan bulan pertama 2017, penyertaan pelabur domestik menyumbang 60% dalam pasaran derivatif Malaysia manakala selebihnya iaitu

40% adalah pelabur asing. Aktiviti penjelasan bagi sekuriti dan derivatif diperkenalkan pada 23 Jun 2017 sebagai aktiviti baharu yang dikawal selia bagi meningkatkan daya tarikan dan daya saing pasaran derivatif Malaysia. Langkah ini membolehkan institusi kewangan yang besar dan bermalah tinggi memasuki pasaran sebagai peserta penjelasan secara bersendirian (*stand-alone*) dan menyediakan penjelasan pihak ketiga. Inisiatif ini membolehkan kos bagi aktiviti dagangan dikurangkan serta meningkatkan akses pasaran kepada pelabur di seluruh dunia.

### Industri unit amanah kekal rancak

Dana unit amanah merupakan aset yang semakin popular dalam kalangan pelabur Malaysia. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2017, 16 dana baharu telah dilancarkan menjadikan jumlah keseluruhan dana sebanyak 639 merangkumi 433 dana konvensional dan 206 dana Islam (akhir Julai 2016: 7 dana baharu; 623 dana; 425 dana konvensional; 198 dana Islam). Jumlah unit amanah dalam edaran meningkat 13.8% kepada 540.1 bilion unit manakala bilangan akaun unit amanah bertambah 3.2% kepada 18.8 juta akaun (akhir Julai 2016: 5%, 474.4 bilion unit; 2.3%, 18.3 juta akaun). Jumlah nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah meningkat semula sebanyak 17.2% kepada RM413.3 bilion pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: -1.2%; RM352.7 bilion) bersamaan 22.4% daripada jumlah permodalan pasaran di Bursa Malaysia (akhir Julai 2016: 21.1%).

**Jadual 5.9. Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih**  
(Akhir Julai)

	2016	2017
Bilangan syarikat pengurusan	35	36
Bilangan dana yang dilancarkan	623	639
Konvensional	425	433
Patuh Syariah	198	206
Unit dalam edaran (bilion)	474.4	540.1
Bilangan akaun (juta)	18.3	18.8
NAV (RM bilion)	352.7	413.3
Konvensional	297.8	343.2
Patuh Syariah	54.9	70.1
NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia (%)	21.1	22.4

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.  
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pada akhir Julai 2017, bilangan dana borong berkurang kepada 303 berikutan dana mencapai tempoh matang atau ditamatkan (akhir Julai 2016: 313 dana). Oleh itu, jumlah NAV dana

<sup>4</sup> Bursa Malaysia Derivatives Berhad memperkenalkan Rancangan Pembangunan OKLI bagi tempoh setahun 2016/2017 pada 1 Julai 2016 untuk memperluaskan jumlah dagangan OKLI.

## Inisiatif Utama Pasaran Modal

Beberapa inisiatif telah diambil dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 untuk meningkatkan lagi tahap mudah tunai dan kecekapan dalam pasaran modal seperti berikut:



### Rangka Kerja Cadangan mengenai Peraturan Catat pada RSS dan Dagangan Gagal SBL-NT

Pindaan terhadap Rangka Kerja Cadangan mengenai Peraturan Catat Jualan Singkat Terkawal (RSS) dan Pinjaman dan Memberi Pinjam Sekuriti Transaksi yang Dirundingkan (SBL-NT) Dagangan Gagal telah dilaksanakan untuk mewujudkan pasaran yang lebih cekap bagi penetapan harga dan perdagangan.

27 Februari



### Rangka Kerja Baharu bagi Penyenaraian Syarikat MOG

Pindaan telah dibuat kepada Equity Guidelines, Prospectus Guidelines dan Asset Valuation Guidelines. Pindaan ini bertujuan menyediakan penjelasan mengenai jenis perniagaan Mineral, Minyak dan Gas (MOG) yang sesuai dan layak untuk disenaraikan di Pasaran Utama, terutamanya syarikat yang terlibat dalam penerokaan peringkat awal dan pengeluaran hasil MOG.

20 Mac



### Rangka Kerja ISSB-NT

Pengenalan Rangka Kerja Penjualan dan Pembelian Sekuriti Islam-Transaksi yang Dirundingkan (ISSB-NT) bertujuan menyediakan alternatif patuh Syariah kepada Rangka Kerja SBL-NT bagi mengembangkan lagi sekuriti patuh Syariah.

21 Mac



### Garis Panduan Baharu untuk Membenarkan RSS bagi Bon Korporat.

Peniaga Utama kini dibenarkan untuk mengendalikan RSS berdasarkan Guideline on Regulated Short Selling of Corporate Bonds yang baharu. Garis Panduan tersebut bertujuan mengesahkan pihak yang dibenarkan untuk menjalankan jualan singkat bagi bon korporat serta syarat pelaksanaan yang berkaitan.

13 April



### Rangka Kerja Pengurusan Pelaburan Digital

Rangka Kerja Pengurusan Pelaburan Digital menggariskan keperluan perlesenan dan tatalaku bagi penawaran perkhidmatan pengurusan portfolio berautomasi dengan fleksibiliti kepada pelabur. Pengurusan pelaburan digital merupakan perniagaan pengurusan dana yang menggabungkan teknologi inovatif ke dalam perkhidmatan pengurusan portfolio fleksibiliti kepada pelabur.

9 Mei



### Skim Penyelidikan MidS

Skim Penyelidikan Modal Kecil dan Sederhana (MidS) telah diperkenalkan dengan objektif utama untuk mewujudkan pengiktirafan nilai yang lebih baik kepada syarikat bermodal kecil dan sederhana kerana syarikat ini merupakan segmen penting dalam kategori ekuiti yang disenaraikan dalam keseluruhan pasaran modal. Pada peringkat awal pelaksanaan Skim ini, sebanyak 100 syarikat tersenarai awam bermodal kecil dan sederhana akan menerima liputan analisis bebas daripada firma penyelidikan berlesen.

25 Mei



### Keperluan Penyenaraian Baharu dan Pelbagai Pindaan Peraturan bagi Pasaran LEAP

Pasaran Platform Pemecut Usahawan Utama (LEAP) merupakan pelengkap kepada Pasaran Utama dan Pasaran ACE dalam menangani jurang pembiayaan yang dihadapi oleh PKS. Pasaran LEAP juga dapat memperluas ekosistem pembiayaan PKS sedia ada dan mengurangkan kebergantungan PKS terhadap pembiayaan daripada institusi kewangan melalui penyediaan akses kepada pasaran modal. Peraturan baharu ini adalah berasaskan kepada tiga prinsip utama iaitu kecekapan kos, peraturan yang seimbang dan tidak rigid serta pasaran yang dikhususkan hanya untuk Pelabur Sofistikated.

15 Jun



### Pindaan Rangka Kerja Kawal Selia untuk Memasukkan Penjelasan sebagai Aktiviti Kawal Selia Baharu

Pindaan baharu ini akan mengasingkan fungsi penjelasan dan dagangan kepada dua aktiviti kawal selia yang berbeza bagi membolehkan pengantara pasaran membangunkan kepakaran dalam perkhidmatan khusus mereka. Kemasukan pengantara pasaran pelaksanaan dan penjelasan persendirian (*stand-alone*) yang baharu termasuk entiti milik asing akan mentransformasi kedinamikan daya saing pasaran modal dan meningkatkan kecekapan kos aktiviti dagangan dan penjelasan.

23 Jun



### Pelaksanaan Penyelesaian BMDC melalui RENTAS

Penggunaan sistem RENTAS membolehkan Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad (BMDC) mengutip bayaran penyelesaian daripada peserta penjelasan sebelum permulaan sesi dagangan pagi. Peralihan kepada sistem RENTAS dapat meningkatkan lagi kecekapan dan daya tahan mekanisme pembayaran penyelesaian.

27 Julai



### Pemberian Insentif Laluan Hijau kepada 30 Syarikat Teratas

Insentif Polisi Laluan Hijau (GLP) telah dilaksanakan kepada 30 syarikat teratas berdasarkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan penzahiran korporat yang baik. GLP memberi keistimewaan tertentu kepada syarikat ini termasuk penyampaian maklumat yang lebih cepat kepada pemegang saham.

29 Ogos



borong merosot 14% kepada RM83.3 bilion (akhir Julai 2016: 30%; RM96.9 bilion). Selain itu, sebanyak 26 dana global baharu bernilai RM1.3 bilion telah dilancarkan untuk pelaburan dalam pasaran asing bagi tempoh yang sama (akhir Julai 2016: 28 dana baharu; RM0.9 bilion). Secara keseluruhan, 328 dana telah dilaburkan dalam pasaran asing bernilai RM41.6 bilion (akhir Julai 2016: 306 dana; RM29.1 bilion). Walau bagaimanapun, risiko pendedahan asing kekal minimum pada 7.4% daripada jumlah NAV (akhir Julai 2016: 5.1%).

Permodalan pasaran industri **amanah pelaburan hartanah (REIT)** meningkat kepada RM44.1 bilion pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: RM41.8 bilion). Jumlah dagangan REIT juga meningkat 23.2% kepada 1.9 bilion unit bernilai RM3.6 bilion (Januari – Julai 2016: 11.1%; 1.5 bilion unit; RM3 bilion). Sehingga kini, terdapat 18 REIT tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia termasuk empat REIT patuh Syariah. Kebanyakan portfolio REIT tertumpu dalam bidang kesihatan, komersial, bangunan pejabat, peruncitan, harta tanah perindustrian dan hospitaliti.

**Dana dagangan bursa (ETF)** diperkenalkan bagi menyediakan pilihan kepada pelabur untuk berdagang dalam bakul saham, bon atau instrumen lain berdasarkan pergerakan dan prestasi indeks sandaran. Pertumbuhan ETF masih perlahan disebabkan kurang kesedaran dan pemahaman dalam kalangan pelabur tentang produk ETF. Bilangan ETF yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia kekal sebanyak lapan dana dengan nilai permodalan pasaran berjumlah RM1.9 bilion pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 8 ETF; RM2.5 bilion). Pada 17 Mei 2017, Pasukan Petugas ETF ditubuhkan untuk menggalakkan penyertaan pelabur institusi dan pelabur runcit dalam pasaran modal Malaysia. Pasukan petugas tersebut telah mencadangkan beberapa langkah untuk menambah baik ekosistem dan memacu pertumbuhan industri ETF di Malaysia seterusnya menggalakkan penyertaan yang lebih inklusif dalam pasaran modal domestik. Langkah yang dicadangkan termasuk memudah cara penerbitan dan pelaburan, menggalakkan inovasi produk serta meningkatkan penglibatan pelabur.

### **Penyertaan lebih tinggi dalam Skim Persaraan Swasta**

Pelaksanaan **Skim Persaraan Swasta (PRS)** membolehkan penyediaan tabungan yang mencukupi untuk keperluan persaraan pada masa hadapan. Bagi memupuk budaya menyimpan sebagai persediaan persaraan dalam kalangan belia, Kerajaan telah meningkatkan jumlah insentif *one-off* sedia ada daripada RM500 kepada RM1,000 bagi pencarum PRS dengan caruman terkumpul minimum sebanyak RM1,000. Insentif ini ditawarkan untuk tempoh dua tahun mulai 2017 hingga 2018. Pemberian insentif ini menyumbang kepada peningkatan kadar penyertaan yang ketara sebanyak 27.4% kepada 253,611 pencarum pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: 30.4%; 199,033 pencarum). Sementara itu, dana PRS telah meningkat dengan jumlah NAV mencecah RM1.8 bilion (akhir Julai 2016: RM1.3 bilion). Daripada jumlah ini, 33.3% adalah dana PRS Islam (akhir Julai 2016: 34.4%).

### **Platform pemerolehan dana bagi PKS**

**Platform Pemecut Usahawan Utama** atau dikenali sebagai **LEAP** adalah platform penyenaarian Bursa Malaysia yang dilancarkan pada 25 Julai 2017. Pada masa ini, 96% daripada PKS memperoleh pembiayaan daripada institusi perbankan manakala 4% melalui pasaran modal. Dalam hal ini, Pasaran LEAP dapat membantu menangani jurang pembiayaan yang dihadapi oleh PKS melalui penyediaan platform pembiayaan alternatif selain Pasaran Utama dan Pasaran ACE<sup>5</sup> serta mengurangkan kebergantungan PKS kepada institusi kewangan. PKS yang ingin disenaraikan dalam pasaran LEAP hanya perlu mengemukakan memorandum maklumat<sup>6</sup> dan tidak dikehendaki menyediakan prospektus. Walau bagaimanapun, dagangan di Pasaran LEAP hanya terhad kepada pelabur yang layak sahaja, dikenali sebagai Pelabur Sofistikated.<sup>7</sup> Pada 3 Oktober 2017, penyedia penyelesaian IT menjadi syarikat pertama yang tersenarai dalam Pasaran LEAP. Sementara itu, dua indeks baharu iaitu Indeks FTSE Bursa Malaysia MidS Cap dan Indeks FTSE Bursa Malaysia MidS Cap Syariah telah diperkenalkan pada 25 Mei 2017 untuk menilai pencapaian PKS yang tersenarai dalam pasaran modal serta meningkatkan minat pelabur untuk melabur dalam segmen PKS.

<sup>5</sup> Pasaran Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation (MESDAQ) telah diubah menjadi pasaran alternatif yang dikenali sebagai Pasaran Access, Certainty and Efficiency (ACE) berkuat kuasa 3 Ogos 2009.

<sup>6</sup> Merujuk kepada dokumen yang mengandungi maklumat berkaitan polisi pelaburan, jenis dan penggunaan aset, polisi penebusan dalam keadaan biasa dan luar biasa, penilaian, butiran kustodian, pentadbiran dan pengurusan risiko prosedur serta yuran, caj dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pelaburan.

<sup>7</sup> Pelabur Sofistikated berdasarkan Jadual 6 dan 7 di bawah Akta Perkhidmatan Pasaran Modal merujuk kepada pelabur bertauliah, entiti bernilai bersih tinggi dan individu bernilai bersih tinggi.

### Pasaran modal Islam kekal sebagai peneraju

Pasaran modal Islam (ICM) Malaysia kekal sebagai peneraju pasaran global yang disokong oleh rangka kerja kawal selia dan percukaian yang menyeluruh dan memudahkan, tadbir urus Syariah yang cekap serta penyertaan daripada pelbagai penyedia perkhidmatan. Penawaran pelbagai produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang mempunyai nilai sosioekonomi yang baik telah menyumbang kepada permintaan lebih tinggi. Pada akhir Julai 2017, sejumlah 678 sekuriti patuh Syariah disenaraikan di Bursa Malaysia mewakili 75.1% daripada jumlah sekuriti tersenarai. Sementara itu, permodalan pasaran Syariah merupakan 60.7%

daripada permodalan pasaran keseluruhan yang berjumlah RM1.8 trilion (akhir Julai 2016: 62.4%; RM1.7 trilion).

**Bursa Malaysia-i** merupakan platform pelaburan Syariah menyeluruh (*end-to-end*) yang pertama di dunia telah diperkenalkan pada 5 September 2016. Nilai Purata Dagangan Harian (ADV) Syariah yang diurusniagakan mencecah RM1,587 juta. Walau bagaimanapun, daripada jumlah ini hanya 3.7% (RM58.8 juta) diniagakan di Bursa Malaysia-i pada akhir Julai 2017. Beberapa program kesedaran yang melibatkan lebih daripada 20,000 pelabur runcit dan pelabur institusi telah dijalankan untuk terus mempromosi Bursa Malaysia-i.

#### Rencana 5.1

### Bursa Malaysia-i: Platform Pelaburan Patuh Syariah yang Pertama di Dunia

#### Pengenalan

Pasaran modal Islam (ICM) di Malaysia telah berkembang lebih dua kali ganda antara 2006 dan 2016. Dalam tempoh tersebut, ICM yang terdiri daripada permodalan pasaran ekuiti patuh Syariah dan nilai sukuk terkumpul telah berkembang 9.3%.<sup>1</sup> Pada akhir Julai 2017, nilai ICM Malaysia mencapai RM1.8 trilion, iaitu 59.2% daripada jumlah saiz pasaran modal domestik. Dari segi dana Islam global, aset patuh Syariah sebelum ini tertumpu di Timur Tengah. Kini, pertumbuhan ekonomi yang semakin menggalakkan di negara Islam lain termasuk Malaysia telah menyumbang kepada perkembangan pasaran aset patuh Syariah dan peningkatan pesat asas pelabur dalam pasaran tersebut. Pada akhir Julai 2017, Malaysia memegang 34% aset di bawah pengurusan<sup>2</sup> bagi dana Islam global daripada jumlah keseluruhan dana global USD74.6 bilion dan mempunyai jumlah dana terbesar di dunia yang mewakili 28% daripada jumlah dana global.

Bursa Malaysia-i merupakan platform pelaburan Syariah menyeluruh (*end-to-end*) yang pertama di dunia dan telah dilancarkan pada 5 September 2016. Matlamat utama platform tersebut adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perdagangan yang rancak untuk kewangan berasaskan Islam yang ditawarkan melalui pengukuhan produk dan perkhidmatan ICM serta penyediaan pasaran yang kondusif kepada komuniti pelabur Syariah. Selain itu, platform ini juga dapat menarik pelaburan domestik, serantau dan global serta pelaburan beretika<sup>3</sup> di samping mempromosikan aktiviti rentas sempadan. Bursa Malaysia-i menawarkan platform sekuriti Islam bersepadu dilengkapi pelbagai perkhidmatan bursa yang komprehensif termasuk perkhidmatan penyenaian, dagangan, penjelasan, penyelesaian dan depository. Platform ini memanfaatkan infrastruktur Bursa Malaysia sedia ada dan menggabungkan ciri-ciri patuh Syariah.

<sup>1</sup> Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (CAGR).


<sup>2</sup> Anggaran dana yang diuruskan oleh dana bersama, dana lindung nilai, pengurusan wang, pengurusan pelaburan, pengurusan kekayaan, dan perniagaan perbankan swasta.

<sup>3</sup> Amalan pelaburan dalam perniagaan oleh syarikat yang dianggap tidak berbahaya atau mendatangkan ancaman kepada masyarakat atau alam sekitar. Cambridge University Press 2017. Diperoleh pada Ogos 29, 2017, dari <http://dictionary.cambridge.org>.



**Ciri-ciri Utama Bursa Malaysia-i**

**Rajah 5.1.1. Lanskap Pelaburan Syariah di Bursa Malaysia-i**



Sumber: Bursa Malaysia.

**Organisasi Peserta Islam**

Pelabur dapat mengakses sekuriti patuh Syariah<sup>4</sup> yang tersenarai di Pasaran Utama dan Pasaran ACE melalui Organisasi Peserta (PO) Islam. PO Islam memainkan peranan penting dalam menguruskan dana yang diasingkan daripada dana konvensional dan dilaburkan ke dalam akaun patuh Syariah. Pada akhir Julai 2017, kira-kira 75% daripada 903 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia adalah patuh Syariah. Pada masa yang sama, pasaran Syariah merupakan 60.7% daripada jumlah permodalan pasaran keseluruhan RM1.8 trilion. Sehingga kini, terdapat 13 PO Islam yang menjalankan perkhidmatan pembrokeran saham Islam daripada 30 PO berdaftar dengan Bursa Malaysia Securities.

**Saringan Syariah**

Sekuriti patuh Syariah perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pada asasnya, proses penyaringan syarikat tersenarai awam adalah berdasarkan dua kategori umum. Kategori tersebut adalah teras perniagaan sesebuah syarikat dan struktur pembiayaan.

**Kemudahan Dagangan**

Di bawah Bursa Malaysia-i, mekanisme jual beli dagangan sekuriti perlu berlandaskan prinsip Syariah. Pelabur juga dibenarkan untuk menjalankan urus niaga dagangan menggunakan pembiayaan margin dengan syarat struktur pembiayaan tersebut adalah patuh Syariah. Selain itu, perkhidmatan dagangan dan pasca dagangan juga perlu berlandaskan prinsip patuh Syariah. Pengurusan dana di bawah platform konvensional adalah berdasarkan mekanisme kadar faedah manakala penyelesaian dana di bawah patuh Syariah adalah melalui mekanisme pembiayaan margin di bawah institusi kewangan Islam. Pelabur Islam juga diwajibkan untuk mengeluarkan zakat daripada keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti dagangan patuh Syariah.

**Prestasi Bursa Malaysia-i**

Bursa Malaysia-i telah menerima pengiktirafan global pada tahun 2017, termasuk Anugerah Global Banking and Finance Review untuk “Most Innovative Global End-to-End Shariah-Compliant Investing Platform Asia 2017.” Selain itu, Bursa Malaysia-i telah menerima Anugerah Emas bagi “Kategori Produk Bukan Makanan dan Perkhidmatan Paling Inovatif” semasa Pameran Halal Antarabangsa Malaysia

(MIHAS) 2017. Meskipun mendapat pelbagai pengiktirafan, jumlah dan nilai dagangan di platform Bursa Malaysia-i masih rendah. Walaupun sebanyak RM1,681 juta Nilai Purata Dagangan Harian (ADV) sekuriti patuh Syariah diurusniagakan, namun hanya 3.6% (RM60 juta) daripadanya didagangkan melalui platform Bursa Malaysia-i sehingga akhir Ogos 2017.

<sup>4</sup> i-Saham, i-Indeks (Indeks Patuh Syariah), i-ETF (Dana Dagangan Bursa Patuh Syariah), i-REIT (Amanah Pelaburan Hartanah Islam) dan Dana Dagangan Sukuk (ETBS).



**Jadual 5.1.1. Sekuriti Patuh Syariah yang Tersenarai di Bursa Malaysia**

<p><b>i-Indeks</b></p> <p>Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia EMAS Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia Hijrah Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia Small Cap Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia MidS Cap</p>	<p><b>i-REIT</b></p> <p>Al-'Aqar Healthcare REIT AXIS-REIT KLCC REIT Al-Salam REIT</p>																												
<p><b>i-ETF</b></p> <p>MyETF Dow Jones Islamic Market Malaysia Titans 25 MyETF MSCI Malaysia Islamic Dividend MyETF MSCI South East Asia Islamic Dividend MyETF Thompson Reuters Asia Pacific ex-Japan Agribusiness</p>	<p><b>ETBS</b></p> <p>DanaInfra ETBS Pertama DanaInfra ETBS Kedua DanaInfra ETBS Ketiga Sukuk Ihsan ETBS</p>																												
<p><b>i-Saham</b> Jumlah: 678 saham</p> <table border="1"> <tr> <td><b>Pasaran Utama: 595</b></td> <td></td> <td><b>Pasaran ACE: 83</b></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Barangan Industri 175</td> <td>Teknologi 26</td> <td>Teknologi 45</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Dagangan/ Khidmat 137</td> <td>Syarikat Projek Infrastruktur 4</td> <td>Barangan Industri 18</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Barangan Pengguna 96</td> <td>Kewangan 2</td> <td>Dagangan/ Khidmat 16</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Hartanah 78</td> <td>Hotel 1</td> <td>Barangan Pengguna 3</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Pembinaan 43</td> <td>SPAC 1</td> <td>Pembinaan 1</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Perladangan 32</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>	<b>Pasaran Utama: 595</b>		<b>Pasaran ACE: 83</b>		Barangan Industri 175	Teknologi 26	Teknologi 45		Dagangan/ Khidmat 137	Syarikat Projek Infrastruktur 4	Barangan Industri 18		Barangan Pengguna 96	Kewangan 2	Dagangan/ Khidmat 16		Hartanah 78	Hotel 1	Barangan Pengguna 3		Pembinaan 43	SPAC 1	Pembinaan 1		Perladangan 32				
<b>Pasaran Utama: 595</b>		<b>Pasaran ACE: 83</b>																											
Barangan Industri 175	Teknologi 26	Teknologi 45																											
Dagangan/ Khidmat 137	Syarikat Projek Infrastruktur 4	Barangan Industri 18																											
Barangan Pengguna 96	Kewangan 2	Dagangan/ Khidmat 16																											
Hartanah 78	Hotel 1	Barangan Pengguna 3																											
Pembinaan 43	SPAC 1	Pembinaan 1																											
Perladangan 32																													

Sumber: Bursa Malaysia.

**Rajah 5.1.2. Proses Saringan Syariah**




Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Prestasi Bursa Malaysia-i yang rendah sebahagian besarnya disebabkan oleh beberapa faktor termasuk:

- Kebanyakan pelabur runcit dan institusi melabur berdasarkan prestasi sekuriti tanpa mengira sama ada sekuriti tersebut patuh Syariah atau konvensional. Tambahan pula, pelabur institusi tidak melihat kelebihan melabur dalam kaunter patuh Syariah melalui platform Bursa Malaysia-i;
- PO Islam hanya tertumpu dalam pasaran domestik sementara pasaran asing belum diterokai; dan

- Penyertaan pelabur runcit Islam yang rendah disebabkan kurang kesedaran mengenai pelaburan dalam pasaran saham.

**Rajah 5.1.3. ADV Bursa Malaysia berbanding Sekuriti Patuh Syariah**



Sumber: Bursa Malaysia.

**Inisiatif Sedia Ada bagi Mewujudkan Bursa Malaysia-i yang Rancak**

Pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan pelabur runcit dan institusi di Bursa Malaysia-i. Sejak pelancaran Bursa Malaysia-i, sebanyak 70 libat urus secara langsung telah dijalankan bersama peserta pasaran termasuk pengurus dana, pelabur institusi dan lebih 20,000 pelabur runcit individu. Bursa Malaysia turut mengambil bahagian dalam jerayawara dan forum antarabangsa antaranya di Beijing, Jakarta, London dan Shanghai bagi terus mempromosi Bursa Malaysia-i. Di samping itu, penglibatan dalam media sosial menerusi Twitter, Facebook dan Instagram disasarkan untuk menarik minat pelabur muda terutamanya Generasi-Y atau milenial dengan menyediakan maklumat serta perkembangan terkini mengenai pelaburan patuh Syariah dan Bursa Malaysia-i.


**Kesimpulan**

Bursa Malaysia-i yang merupakan platform pelaburan Syariah menyeluruh pertama di dunia menyediakan peluang pelaburan dalam sekuriti patuh Syariah. Penyertaan yang masih rendah menunjukkan terdapat keperluan untuk mempromosi Bursa Malaysia-i secara lebih intensif melalui peningkatan kesedaran dan

pengetahuan mengenai produk pasaran modal. Pelabur institusi domestik akan memberi impak yang lebih besar dari segi jumlah penyertaan. Dalam hal ini, usaha berterusan dengan pelabur institusi domestik bagi mempromosikan Bursa Malaysia-i sedang dilaksanakan. Bursa Malaysia juga terus meneroka peluang bagi memperluas penggunaan platform Bursa Malaysia-i serta bekerjasama secara erat

dengan PO Islam dan pemain industri lain bagi mewujudkan dan meningkatkan kesedaran tentang pelaburan patuh Syariah menerusi pelbagai program pendidikan di seluruh negara. Usaha ini seterusnya akan meningkatkan urusan niaga di Bursa Malaysia-i dan menyediakan peluang kepada para pelabur untuk berdagang dalam pelbagai perkhidmatan bursa yang komprehensif berlandaskan prinsip Syariah.

**Rajah 5.9. Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara**  
(% bahagian)



<sup>1</sup> Lain-lain termasuk Oman; Pakistan; Hong Kong; Bangladesh; Kuwait; Luxembourg; Singapura; UK; AS; Ivory Coast; Afrika Selatan; Senegal; Brunei; Mauritius; Nigeria; Jordan; Gambia; Maldives dan Perancis.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.  
Sumber: Malaysia International Islamic Financial Centre.

Satu lagi platform patuh Syariah adalah **Bursa Suq Al-Sila' (BSAS)** yang dapat mempermudah urusan niaga perdagangan komoditi untuk transaksi murabahah<sup>8</sup> dan tawarruq.<sup>9</sup> Bagi mengembangkan BSAS, Bursa Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan pelbagai pembekal komoditi untuk meningkatkan bekalan asas dalam pasaran. Bursa Malaysia juga mengadakan libat urus dengan institusi kewangan berpotensi untuk meningkatkan penyertaan pelabur. Pada masa ini, terdapat 136 peserta dalam BSAS yang terdiri daripada 104 peserta tempatan dan 32 peserta luar negara. Pada akhir Julai 2017, BSAS mencatat pertumbuhan ADV yang kukuh sebanyak 9.8% dan mencecah RM18.5 bilion dengan RM1.2 trilion komoditi ditawarkan dan RM2.6 trilion didagangkan. Prestasi ini menggambarkan peningkatan penerimaan terhadap BSAS sebagai platform global bagi memudahkan cara transaksi murabahah dan tawarruq. Bagi memanfaatkan penerimaan global terhadap

BSAS, ICM akan terus memberi tumpuan dalam memperluas bekalan komoditi dan menambah baik infrastruktur BSAS.

Malaysia turut mengekalkan kedudukan sebagai peneraju destinasi utama bagi penyenaaran sukuk. Jumlah terbitan sukuk dalam pasaran domestik mencatat RM83.9 bilion atau 50.7% daripada keseluruhan bon yang diterbitkan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017. Dari segi sukuk terkumpul, pasaran sukuk mencatat RM719.5 bilion atau 57.1% daripada jumlah nilai bon terkumpul pada akhir Julai 2017. Bagi kedudukan global pula, jumlah terbitan sukuk baharu bagi tempoh tujuh bulan pertama 2017 meningkat 47% kepada USD66.8 bilion berikutan peningkatan terbitan oleh Arab Saudi dan Qatar (Januari – Julai 2016: 1.1%; USD45.4 bilion). Malaysia memegang 26.4% atau USD17.7 bilion daripada syer pasaran bagi terbitan sukuk baharu (Januari – Julai 2016:

<sup>8</sup> Kontrak jualan dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli.

<sup>9</sup> Pembelian aset dengan harga yang ditangguhkan, sama ada atas dasar musawamah (kontrak jualan tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli) atau murabahah, kemudian menjualnya kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai.

47.3%; USD21.5 bilion). Bagi tempoh yang sama, Malaysia mengekalkan kedudukan utama bagi sukuk terkumpul sebanyak 50.1% atau USD192.2 bilion (akhir 2016: 52.5%; USD182.7 bilion). Malaysia juga telah menerbitkan sukuk hijau pertama yang bernilai RM250 juta pada 27 Julai 2017 bagi memenuhi permintaan global dalam pembiayaan hijau. Usaha ini selaras dengan peranan Malaysia sebagai peneraju inovasi produk patuh Syariah.

**Industri pengurusan dana Islam** adalah penting dalam mengekalkan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global. Sehubungan ini, Pelan Tindakan Lima Tahun Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam telah dilancarkan pada 12 Januari 2017 bertujuan memanfaatkan ekosistem pasaran modal Islam Malaysia yang kukuh bagi menjadikan negara sebagai peneraju pusat antarabangsa bagi pengurusan dana dan kekayaan Islam. Pada akhir Julai 2017, industri ini merangkumi 20 syarikat Pengurusan Dana Islam yang menguruskan 206 dana unit amanah Islam dan 86 dana borong Islam (akhir Julai 2016: 20 syarikat; 198 dana; 97 dana). Jumlah NAV dana unit amanah Islam meningkat 27.7% kepada RM70.1 bilion (akhir Julai 2016: 11.4%; RM54.9 bilion) manakala dana borong Islam berkurang 4.9% kepada RM35.6 bilion (akhir Julai 2016: 64.1%; RM37.5 bilion). Pada akhir Julai 2017, permodalan pasaran bagi empat REIT Islam (i-REIT) yang disenaraikan bernilai RM17.6 bilion (akhir Julai 2016: RM17.2 bilion) manakala permodalan pasaran bagi empat ETF Islam (i-ETF) adalah sebanyak RM429.2 juta (akhir Julai 2016: RM419.9 juta). Aset di bawah pengurusan (AUM) Islam menyumbang 21.2% atau RM160.7 bilion daripada jumlah keseluruhan industri AUM yang bernilai RM756.8 bilion.

## Prestasi Industri Insurans dan Takaful


### Industri insurans berdaya tahan

**Industri insurans** kekal berdaya tahan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 dengan permodalan yang kukuh dan keuntungan yang lebih baik terutamanya didorong oleh sektor insurans hayat. Nisbah Kecukupan Modal (CAR) kekal teguh pada kadar 238.5% melebihi keperluan minimum 130% (Januari – Julai 2016: 234.9%). Jumlah penampungan modal pula meningkat kepada RM33 bilion (Januari – Julai 2016: RM29.8 bilion).

Jumlah aset industri insurans terus meningkat kepada RM253.5 bilion pada akhir Julai 2017 (akhir Julai 2016: RM238.3 bilion). Jumlah aset bagi sektor insurans hayat meningkat sebanyak 6.6% kepada RM220.7 bilion dan kekal tertumpu kepada sekuriti hutang korporat yang merupakan 67.2% daripada keseluruhan aset insurans. Aset bagi sektor insurans am meningkat 4.5% kepada RM32.7 bilion. Tunai dan deposit terus menjadi kelas aset terbesar yang dipegang oleh syarikat insurans am iaitu 22.1% daripada jumlah aset sektor insurans am.

**Sektor insurans hayat** mencatat pertumbuhan sebanyak 23.1% dengan lebih pendapatan atas perbelanjaan berjumlah RM9.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 (Januari – Julai 2016: 22.3%; RM8 bilion) berikutan keuntungan modal bersih yang lebih tinggi sebanyak RM3.2 bilion (Januari – Julai 2016: RM2.3 bilion). Tuntutan insurans hayat meningkat 6.3% kepada RM12.9 bilion (Januari – Julai 2016: 2.3%, RM12.1 bilion). Sementara itu, premium perniagaan baharu meningkat sebanyak

**Rajah 5.10. Aset Insurans Hayat dan Am**  
(% bahagian)



<sup>1</sup>Pelaburan lain = Pinjaman jaminan Kerajaan + pelaburan hartanah + lain-lain.

<sup>2</sup>Aset lain = Hartanah, loji dan kelengkapan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Jadual 5.10. Perniagaan Insurans Hayat dan Am Januari – Julai**

	2016	2017
<b>Insurans Hayat (RM bilion)</b>		
Perniagaan baharu <sup>1</sup>		
Bilangan polisi (unit)	14,078,295	8,755,691
Jumlah diinsuranskan	247.7	257.2
Jumlah premium	5.5	5.9
Perniagaan berkuat kuasa <sup>2</sup>		
Bilangan polisi (unit)	19,771,533	18,000,789
Jumlah diinsuranskan	1,507.7	1,548.0
Premium tahunan	29.6	31.8
Pendapatan premium <sup>2</sup>	15.2	16.0
Bayaran manfaat <sup>2</sup>	10.6	11.2
<b>Insurans Am (RM bilion)</b>		
Pendapatan premium		
Premium langsung kasar	10.7	10.6
Premium bersih	7.5	7.7
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	0.6	0.9
<b>Nisbah bendungan<sup>3</sup> (%)</b>	<b>70.5</b>	<b>72.6</b>

<sup>1</sup> Tidak termasuk data bagi insurans semula.

<sup>2</sup> Pada akhir Jun. Data dikemaskini setiap suku tahun.

<sup>3</sup> Bahagian premium yang dikekalkan dalam negara.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

6.9% kepada RM5.9 bilion (Januari – Julai 2016: 5.9%; RM5.5 bilion) yang disumbangkan oleh pertumbuhan polisi berkaitan pelaburan. Walau bagaimanapun, premium perniagaan baharu bagi polisi hayat biasa berkurang 5.5% (Januari – Julai 2016: 10.9%). Sementara itu, kadar penembusan pasaran<sup>10</sup> insurans hayat mencatat 39.4% (Januari – Julai 2016: 40.1%) sepanjang tempoh tersebut.

**Sektor insurans am** mencatat keuntungan operasi lebih rendah sebanyak RM1.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 disebabkan oleh tuntutan yang lebih tinggi (Januari – Julai 2016: RM1.6 bilion). Nisbah tuntutan keseluruhan mencatat 57.3% berikutan tuntutan yang lebih tinggi terutamanya nisbah tuntutan segmen motor pada 71.8% (Januari – Julai 2016: 54.1%; 65.7%). Pada masa yang sama, premium langsung kasar juga berkurang secara marginal sebanyak 0.2% kepada RM10.6 bilion disebabkan langganan lebih rendah daripada segmen tenaga (Januari – Julai 2016: 0.8%; RM10.7 bilion). Walau bagaimanapun, premium langsung kasar bagi segmen motor meningkat 2.2% (Januari – Julai 2016: -0.5%) berikutan peningkatan jualan kereta baharu.

#### Industri takaful terus berkembang

**Industri takaful** terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 dengan aset meningkat 6.8% kepada RM28.1 bilion (Januari – Julai 2016:

**Jadual 5.11. Perniagaan Takaful Keluarga dan Am Januari – Julai**

	2016	2017
<b>Takaful Keluarga (RM bilion)</b>		
Perniagaan baharu <sup>1</sup>		
Bilangan sijil (unit)	399,549	385,387
Jumlah perlindungan	190.0	193.8
Jumlah caruman	2.3	2.5
Perniagaan berkuat kuasa <sup>2</sup>		
Bilangan sijil (unit)	4,545,054	4,678,911
Jumlah perlindungan	632.4	714.2
Caruman tahunan	3.6	4.1
<b>Takaful Am (RM bilion)</b>		
Caruman langsung kasar	1.4	1.5
Caruman bersih	1.1	1.1
<b>Takaful semula ditempatkan di luar Malaysia</b>	<b>0.2</b>	<b>0.2</b>
<b>Nisbah bendungan<sup>3</sup> (%)</b>	<b>85.5</b>	<b>84.8</b>

<sup>1</sup> Tidak termasuk data bagi takaful semula.

<sup>2</sup> Pada akhir Jun. Data dikemaskini setiap suku tahun.

<sup>3</sup> Bahagian caruman yang dikekalkan oleh pengendali takaful dalam negara.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

9%; RM26.3 bilion). Sekuriti hutang Islam kekal sebagai komponen aset terbesar yang menyumbang sebanyak 54.6% diikuti tunai dan deposit sebanyak 15.8% (Januari – Julai 2016: 55.1%; 15.9%). Kedudukan modal industri takaful kekal stabil dengan CAR mencatatkan 211.4% bagi suku kedua 2017.

**Sektor takaful keluarga** merekodkan pertumbuhan 9.4% atau RM1.4 bilion melebihi pendapatan atas perbelanjaan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 (Januari – Julai 2016: 11.9%; RM1.3 bilion). Perniagaan baharu takaful keluarga mencatat pertumbuhan sumbangan kasar yang lebih tinggi pada 9.8% dengan nilai RM2.5 bilion (Januari – Julai 2016: 7.4%; RM2.3 bilion). Segmen hayat biasa berkembang 9.9% sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan kesedaran mengenai keperluan perlindungan takaful dalam kalangan pengguna manakala perniagaan takaful berkaitan pelaburan meningkat 9.2%. Kadar penembusan pasaran bagi takaful keluarga mencatat 14.6% dalam tempoh tersebut (Januari – Julai 2016: 14.4%).

**Sektor takaful am** berkembang 6.8% dan mencatat sumbangan kasar RM1.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2017 (Januari – Julai 2016: 1.9%; RM1.4 bilion). Kelas motor dan kelas kebakaran terus menjadi segmen utama yang dilindungi oleh industri takaful. Kedua-dua kelas tersebut mencatat 58.4% dan 22.2% kepada jumlah sumbangan kasar. Sementara itu, keuntungan operasi sektor berkurang kepada RM89.4 juta (Januari – Julai 2016: RM186.4 juta).

<sup>10</sup> Diukur berdasarkan nisbah jumlah insurans hayat dan pelan takaful keluarga sedia ada berbanding dengan jumlah penduduk.

### Dasar dan inisiatif baharu melonjakkan industri

Fasa pertama Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran telah diperkenalkan pada 1 Julai 2016. Sejak diperkenalkan hingga separuh pertama 2017, syarikat insurans dan pengendali takaful diberi kelonggaran untuk menawarkan produk baharu dan perlindungan tambahan bagi kelas motor mengikut harga pasaran. Fasa kedua liberalisasi yang berkuat kuasa 1 Julai 2017 membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful menawarkan produk Motor Komprehensif serta produk Motor Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian pada harga pasaran. Sementara itu, tarif produk Pihak Ketiga dikekalkan sehingga semakan semula pada 2019. Kadar premium atau caruman akan mengambil kira faktor risiko yang lebih menyeluruh yang

dapat menyumbang kepada penetapan harga yang berpatutan; peningkatan inovasi produk baharu bagi memenuhi keperluan pengguna serta perkhidmatan yang ditambah baik; dan perlindungan berterusan kepada pengguna untuk tempoh jangka panjang pada harga yang kompetitif.

### Prospek 2018

Persekitaran ekonomi yang terbuka dan peningkatan kesalinghubungan dalam pasaran kewangan menyebabkan Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan perubahan persekitaran monetari global. Meskipun terdapat ketidakpastian dalam pasaran global, keupayaan dan daya tahan Malaysia dalam menangani cabaran ini kekal teguh disokong oleh asas ekonomi domestik yang kukuh serta kepelbagaian dan kemajuan pasaran kewangan. Kelebihan ini dapat meningkatkan keupayaan sistem kewangan untuk menyerap aliran keluar masuk modal dan dalam masa yang sama memastikan aliran modal ini dapat dimanfaatkan secara berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Sektor kewangan domestik terus menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan inovasi dalam industri kewangan. Dalam hal ini rangka kerja kawal selia terus diperkukuh dengan mengamalkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam menghadapi pasaran kewangan yang semakin kompleks. Malaysia juga berada pada landasan yang teguh untuk terus menerajui industri kewangan Islam global dengan memanfaatkan kedudukan negara sebagai peneraju pasaran sukuk dan perintis produk inovatif.

**Jadual 5.12. Perniagaan Insurans dan Takaful Januari – Julai**

	2016	2017
<b>Bilangan syarikat insurans dan pengendali takaful</b>	<b>44</b>	<b>44</b>
Penanggung insurans hayat	10	10
Penanggung insurans am	19	19
Penanggung insurans komposit	4	4
Pengendali takaful keluarga	3	3
Pengendali takaful komposit	8	8
<b>Bilangan syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula</b>	<b>12</b>	<b>12</b>
Penanggung insurans semula hayat	1	1
Penanggung insurans semula am	5	5
Penanggung insurans semula komposit	1	1
Pengendali takaful semula	5	5

Sumber: Bank Negara Malaysia.